

ANDA INGIN KE LUAR NEGARA ?

SEMAK STATUS SEKATAN PERJALANAN SEPERTI LANGKAH BERIKUT :

1. SEMAKAN STATUS MELALUI PAUTAN <https://sspi.imi.gov.my/SSPI/>

2. SEKIRANYA ADA SEKATAN, HUBUNGI HASIL MELALUI :

- ▶ PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM : www.hasil.gov.my > Hubungi Kami > Panggilan
- ▶ HASIL RECOVERY CALL CENTRE : 03-8751 1000

3. BAYAR BAKI CUKAI MELALUI BYRHASIL DI <https://byrhasil.hasil.gov.my/>

4. SURAT PEMBATALAN SEKATAN ATAU PELEPASAN SEMENTARA
AKAN DIKELUARKAN **SELEPAS** PEMBAYARAN DIBUAT.

MAKLUMAT LANJUT BOLEH DIPEROLEH DARIPADA PORTAL RASMI HASIL,
www.hasil.gov.my > PAUTAN PANTAS > SEKATAN PERJALANAN



1. KEMAS KINI MAKLUMAT PERCUKAIAN ANDA

Selain daripada melapor dan membayar cukai dalam tempoh yang telah ditetapkan, pembayar cukai digalakkan untuk sentiasa menyemak maklumat percukaian mereka serta membuat pengemaskinian sekiranya perlu.

Berikut adalah beberapa maklumat asas berkaitan dengan tindakan pengemaskinian :

- i. Bagi memastikan PCB yang diremitkan adalah tepat dan betul, sila isi Borang PCB/TP1 : https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfborang/Borang_TP1_2022.pdf dan hantar kepada majikan anda,
- ii. Jika anda adalah pekerja baharu dan mempunyai PCB sebelum ini, sila isi Borang PCB/TP3 : https://phl.hasil.gov.my/pdf/pdfborang/Borang_TP3_2022.pdf dan hantar kepada majikan baharu anda,
- iii. Jika ingin kemaskini maklumat peribadi, log masuk ke MyTax, <https://mytax.hasil.gov.my/> dan klik e-Kemaskini.

Pengemaskinian maklumat adalah penting bagi memastikan segala urusan percukaian anda menjadi lebih mudah dan berstatus terkini.

2. INFO PKPS 2.0 : SIAPA LAYAK SERTA ?

Pembayar cukai yang layak untuk menyertai PKPS 2.0 adalah seperti berikut :

- i. Pembayar cukai baharu,
- ii. Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL tetapi terdapat Borang Nyata / Borang Nyata CKHT yang tidak dikemukakan bagi mana-mana tahun taksiran yang lain,
- iii. Pembayar cukai sedia ada yang pernah melaporkan pendapatan kepada HASiL tetapi mempunyai pendapatan tambahan yang tidak dilaporkan, dan
- iv. Pembayar duti yang tidak membuat penyeteman dokumen / perjanjian dalam tempoh penyeteman yang dibenarkan.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

3. PEMBERHENTIAN PENERIMAAN CEK DAN MONEY ORDER/ POSTAL ORDER (MOPO) SEBAGAI INSTRUMEN TERIMAAN BAYARAN DI HASiL

HASiL ingin memaklumkan tentang pemberhentian penerimaan cek dan Money Order/Postal Order (MOPO) sebagai instrumen terimaan bagi bayaran cukai langsung di semua Pusat Pengurusan Terimaan HASiL (PPTH), Kaunter Bayaran Duti Setem, bank dan pejabat pos yang menjadi ejen kutipan bayaran HASiL. Proses ini dijalankan secara berperingkat dan pembayaran cukai langsung boleh terus dilaksanakan dengan menggunakan Nombor Bil atau Nombor Pengenalan Cukai / Tax Identification Number (TIN) mulai 1 Ogos 2023.

Pelaksanaan ini terpakai bagi semua jenis bayaran cukai langsung kecuali :

- i. Bayaran cukai pendapatan bagi bayaran pendahuluan dan ansuran kes audit, siasatan dan guaman sivil menggunakan Cek/Post Dated Cheque (PDC) yang telah dikemukakan kepada HASiL sebelum 01 Ogos 2023; dan
- ii. Bayaran potongan cukai 2% terhadap pembayaran komisen oleh syarikat pembayar kepada ejen, pengedar atau pengagih (Seksyen 107D, Akta Cukai Pendapatan 1967).

Maklumat lanjut berhubung kaedah pembayaran cukai mengikut kategori pembayar cukai boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Perkhidmatan.

4. REVENIEWS

ReveNews merupakan himpunan kes cukai yang dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai HASiL. Kes cukai yang disenaraikan memaparkan ringkasan laporan kes serta keputusan penghakiman tersebut antara HASiL (dinamakan sebagai Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri) dan pembayar cukai melibatkan layanan percukaian di bawah peruntukan tertentu dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 dan akta-akta lain yang ditadbir oleh HASiL.

ReveNews boleh dilihat melalui Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Pantas.

WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK AKAN MEMBERI NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI PENDAPATAN MELALUI PANGGILAN TELEFON/EMEL/SURAT. SILA GUNAKAN BYRHASIL BAGI BAYARAN CUKAI JIKA BERKAITAN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.